



Saya bimbang akan keselamatan isteri dan empat anak yang berusia satu hingga 15 tahun yang tinggal di rumah ketika saya keluar bekerja. Cerun bukit itu sudah semakin terhakis

termasuk menara telekomunikasi yang berdiri tepat dari rumah saya”

Muhammad Nasri Hamidi,
Penduduk



Lebih teruk, kolam takungan yang tiada aliran keluar itu mungkin menjadi punca wujudnya pembiakan nyamuk sehingga ada anak jiran diserang demam denggi baru-baru ini”

Md Isa Othman,
Penduduk

Fakta nombor

30 METER

anggaran ketinggian bukit

3 METER

kedalaman kolam takungan air

65 PERATUS

bukit sudah dikorek



Penduduk Jalan 3/34 Bandar Tasik Puteri, meninjau keadaan tanah runtuh berhampiran dengan rumah beliau di Bandar Tasik Puteri, Rawang.

60 rumah terdedah tanah runtuh

➔ Aduan penduduk kepada pihak PBT tak dilayan

Oleh **Mohd Zulkifli Zainuddin**
mohd.zulkifli@bh.com.my

Rawang

Rasa gelisah dan bimbang menyelubungi penduduk Jalan 3/34, Bandar Tasik Puteri, di sini, apabila aktiviti mengorek tanah bukit dipercayai secara haram yang dilakukan berhampiran kawasan perumahan itu sudah semakin hampir dengan kediaman mereka.

Apa yang lebih merisaukan adalah kegiatan itu turut memberi risiko kejadian tanah runtuh yang boleh berlaku bila-bila masa, terutama pada musim hujan ketika ini.

Bukit dengan ketinggian kira-kira 30 meter itu dikorek di bahagian tengah dan semakin dalam bagi diambil tanahnya dipercayai untuk menimbus kolam lombong yang terletak di sebelahnya untuk tujuan projek pem-

binaan.

Apa yang dibimbangkan penduduk ialah jarak cerun bukit hanya kira-kira lima meter dari belakang 60 rumah sudah semakin hampir dan terhakis, kesan daripada aktiviti itu dengan beberapa pokok kelapa sawit yang menahan bukit berkenaan juga sudah tumbang.

Jika sebelum ini penduduk Bandar Tasik Puteri boleh berjalan kaki ke Kampung Baru Kundang melalui jalan di belakang kediaman mereka, kini kerja mengambil tanah berkenaan memisahkan kedua-dua tempat berkenaan dengan yang tinggal adalah bukit yang curam.

Lebih teruk, disebabkan kerakusan kerja mengambil tanah tanpa memikrkan keselamatan penduduk sekitar, di bawah cerun bukit terhasil kolam takungan atau lembah dengan kedalaman kira-kira tiga meter.

Malah, air kolam itu juga bertakung dan tidak dapat mengalir keluar ke-

rana disekat tanah yang runtuh, secara tidak langsung meningkatkan lagi risiko kejadian tanah runtuh apabila berlaku penyerapan air bawah tanah, sekali gus melemahkan lagi struktur bukit berkenaan.

Pada masa sama, sebuah menara telekomunikasi yang terletak di puncak bukit berkenaan mungkin akan tumbang kerana tanah di sekeliling menara itu sudah dikorek agak dalam, sekali gus mengancam keselamatan penduduk rumah berhampiran.

Tidak mahu dua insiden tanah runtuh di Taman Idaman, Serendah dan Taman Bersatu tidak jauh dari sini pada November lalu berlaku di Bandar Tasik Puteri, penduduk taman perumahan itu menghantar dua surat aduan kepada Majlis Perbandaran Selangor, (MPS), namun tiada sebarang jalan penyelesaian diambil.

Biarpun kerja mengorek tanah bukit sudah berhenti sejak awal bulan lalu, ekoran tindakan MPS memasang pita